



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	31/10/2011



Beri kelonggaran laksana pembangunan Langkawi

LANGKAWI 30 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) berharap kerajaan dapat memberi kelonggaran dalam melaksanakan Pelan Induk Lima Tahun Pembangunan Pelancongan Langkawi bagi mengelakkan peruntukan untuk pembangunan itu lambat digunakan.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi peruntukan hampir setengah bilion un-

tuk pembangunan Langkawi tetapi sebarang projek pembangunan sering mengambil masa yang lama terutama perkara proses pengambilan tanah.

"Kalau beri kelonggaran kita boleh capai apa yang hendak dilakukan. Kalau nak ambil tanah sahaja, makan masa setahun. Setahun lepas tu baru boleh buat. Jadi peruntukan itu tidak dibelanjakan.

"Saya percaya kerajaan negeri Ke-

dah boleh meluluskan permohonan tanah dengan cepat tetapi prosedur kerajaan kena ikut... ini yang makan masa," katanya kepada *Bernama* di sini.

Perdana Menteri ketika pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober lepas mengumumkan Pelan Induk Lima Tahun Pembangunan Pelancongan Langkawi akan dilancarkan dengan peruntukan pembelanjangan RM420 juta.

Antara inisiatif yang diambil ialah menyusun semula Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), penubuhan pasukan renjer hutan, menaik taraf muzium, kawasan pantai dan perniagaan serta menyediakan sistem pengangkutan yang lebih efisien.

Mengenai dakwaan banyak pihak terutama penduduk tempatan bahawa kerajaan kurang memberikan perhatian untuk membangunkan Lang-

kawi berbanding ketika beliau menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata, pandangan itu mungkin dibuat kerana ketika beliau mula membangunkan Langkawi, tidak banyak pembangunan yang ada berbanding sekarang.

"Daripada takde langsung, bila ada memang orang nampak. Bila dah ada, (projek) tambahan yang dibuat tak begitu nampak," katanya. - BERNAMA